# Warga UMS hargai jasa Tun Dr. Mahathir

Oleh NAZRULLAH fiOSLI

DALAM mengenang jasa dan pengorbanan tokoh pemimpin negara, Univorsiti Malaynia Sabah (UMS) menyampaikan anugerah teriioggi universiti berkenaan iaitu Ijazah Kehonnai Doktor Ekonorai kepada bekas Perdana Menten. Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Malah, isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali turut dianugerahkan dengan Ijazah Kehormal Doktor Falaafah I Pembangu.nan Sosiall dalam aacu upacara gilang-gemilang puda m^jlis Kwnvokesyen Komemoratif universiti itu yang diadakan di Dewan Canaelor UMS pada 2ft Ogos lalu,

Majlis itu menandakan kemuncak penpliargaan tertinegi universiti itu ke atasjasa Dr. Mahathir bagi mengenangkan jaaa betiau ketika menerajui negara munjadi sebuah negara m^ju dan berdaya saing.

Usaha beliau dalam membolehkan rakyat dan negara ini mengecapi pelbagai kejayaan di bidang ekonomi, pembangunan dan perindu-ttrian bukan sahaja diiktiraf di negara ini, malah disanjung oleh dunia luar khuausnya negara dunia ketiga yang rnahu mengikuti model pemerintahannya.

Selain itu, UMS turut memandang tinggi usaha dan jasa Dr. Mahathir yang memainkan peranan penting memastikan penuhuhan karripus induk universiti ini di negeri Sabah berjaya dilaksanakan.



TUN Dr. Mahathir Mohamad (empat dari kiri) dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali berdiri bersama Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh (dua dari kanan) dan tetamu kehormat pada majlis Konvokesyen Komemoratif.

Justeru, dengan kejayaan UMS kini sebagai sehuah universiti yang serba lengkap, berwjyah indah dan Bertaraf tinggi atas hamJ usaha beliau, penganugerahaD itu juga adalah sebagai tanda terima kasih daripada sauna warga universiti berkenaan kepada Dr. Mahathir.

Bagi universiti itu pula, penganugerahan berkenaan sebagai satu kenangan indah kepada bekas Perdana Menteri yang keempat yang begitu disanjungi oleh warga UMS itu.



TUN Dr. Mahathir dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi dan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pembangunan Sosial).

**UMS memandang tinggi usaha dan jasa Dr. Mahathir yang memainkan peranan penting memastikan penubuhan kampus induk universiti ini**